

PRESS RELEASE

1 January 2026

KEEPING MALAYSIA CLEAN: ALAM FLORA COLLECTS 3.2 TONNES OF WASTE DURING 2026 NEW YEAR CELEBRATIONS

Kuala Lumpur, 1 January 2026 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), part of Malakoff Environmental Solutions, has collected approximately **3.2 Tonnes of waste from three major areas in Kuala Lumpur during the 2026 New Year's Eve celebrations**. This marks a year-on-year decrease compared with **3.6 tonnes collected in 2025, reflecting a decrease of approximately 11%**.

The cleanup operation targeted high-traffic public areas, namely Bukit Bintang, Dataran Merdeka and the vicinity of the Petronas Twin Towers (KLCC). Commencing at 10:00 p.m. on New Year's Eve, the operation concluded at 8:00 am the today, ensuring the city was restored to a clean and welcoming state at the start of the new year.

Shariman Yusuf Mohamed Zain, Chief Executive Officer of Alam Flora, said **KLCC** recorded the highest volume of waste collected at **1.4 tonnes**, followed by **1 tonne at Bukit Bintang** and **0.8 tonnes at Dataran Merdeka**. "To ensure smooth operations, we mobilised a total of 152 personnel, comprising management staff, pre-cleaning teams, drivers and general crew across these key locations," he said.

Shariman added that three compactor trucks were deployed for efficient waste collection, alongside the use of water jets to wash pavements, particularly in high-footfall areas. In addition, **36 mobile garbage bins with 660-litre capacity** and **25 mobile garbage bins with 240-litre capacity** were strategically placed to facilitate proper waste disposal.

He noted that this year's waste collection was relatively manageable, especially at Bukit Bintang. "Crowd sizes at each location may vary depending on public preferences for celebration spots. Nevertheless, our teams remain fully prepared to manage waste collection efficiently, regardless of turnout," he explained.

Despite the varying crowd sizes, Alam Flora remains committed to maintaining a clean and hygienic environment for all celebrations, ensuring Kuala Lumpur continues to thrive as a vibrant and liveable city. This operation underscores Alam Flora's ongoing dedication to environmental sustainability and urban cleanliness, aligning with the company's mission to enhance community well-being and contribute to a greener future.

The initiative also reflects Malakoff's commitment and responsible operations, aligned with the Group's business pillars and the aspirations of Malakoff Environmental Solutions to focus on environmental management and deliver solutions dedicated to serving society and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11, which aims to make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable and reinforces Malakoff's overarching purpose of 'Enhancing Life, Enriching Communities'.

Following the milestone of Malakoff Group's 50th anniversary, this initiative reaffirms the Group's enduring commitment to delivering meaningful impact through operational excellence, long-term sustainability, and community-building.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) is one of Malaysia's leading environmental management companies, dedicated to helping communities manage and reduce waste with minimal environmental impact. A subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora plays a central role in supporting the nation's sustainability agenda through its waste management and environmental solutions.

As one of the largest concession holders under Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatisation programme, Alam Flora provides comprehensive services across its concession areas in Peninsular Malaysia, namely the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, and the state of Pahang. The company manages thousands of tonnes of waste daily, while actively promoting recycling and sustainable practices through various initiatives, including the Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). It is a key enabler of Malaysia's environmental goals through efficient collection, disposal and community engagement initiatives that drive responsible waste management and circular economy practices.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

SIARAN MEDIA

1 Januari 2026

MALAYSIA KEKAL BERSIH: ALAM FLORA KUMPUL 3.2 TAN SAMPAH SEMPENA SAMBUTAN AMBANG TAHUN BAHARU 2026

Kuala Lumpur, 1 Januari 2026 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) sebahagian daripada Malakoff Environmental Solutions, telah mengutip kira-kira **3.2 tan sampah dari tiga lokasi utama di Kuala Lumpur sempena sambutan Ambang Tahun Baharu 2026**. Jumlah ini mencatat pengurangan tahun ke tahun berbanding **3.6 tan yang direkodkan pada tahun 2025**, dengan pengurangan sebanyak kira-kira **11%**.

Operasi pembersihan ini melibatkan kawasan tumpuan awam utama iaitu Bukit Bintang, Dataran Merdeka, dan kawasan sekitar Menara Berkembar Petronas (KLCC). Operasi bermula pada pukul 10.00 malam pada malam ambang tahun baharu dan berakhir pada jam 8.00 pagi tadi, bagi memastikan bandar raya kembali bersih dan selesa untuk menyambut tahun baharu.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, memaklumkan bahawa **KLCC** mencatat jumlah kutipan sampah tertinggi sebanyak 1.4 tan, diikuti **1 tan di Bukit Bintang** dan **0.8 tan di Dataran Merdeka**. “Bagi memastikan kelancaran operasi, seramai 152 anggota kerja telah digerakkan merangkumi kakitangan pengurusan, pasukan pra-pembersihan, pemandu dan pekerja am di lokasi-lokasi utama,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa tiga unit lori kompaktor digunakan bagi menyokong operasi kutipan sisa pepejal serta pancuran air bertekanan tinggi untuk membersihkan kaki lima, khususnya di kawasan yang menjadi tumpuan ramai. Sebanyak **36 unit tong sampah mudah alih berkapasiti 660 liter dan 25 unit berkapasiti 240 liter**, turut ditempatkan di kawasan strategik, bagi memudahkan usaha perlupusan sampah lebih teratur.”

Shariman menyatakan, kutipan sampah pada tahun ini secara keseluruhannya berada dalam keadaan terkawal, terutamanya di Bukit Bintang. “Jumlah kehadiran orang ramai di setiap lokasi berbeza bergantung kepada pilihan mereka untuk berkumpul bagi meraikan sambutan. Namun, pasukan kami sentiasa bersedia untuk menguruskan kutipan sampah secara cekap tanpa mengira jumlah kehadiran,” katanya.

Walaupun jumlah kehadiran mungkin berbeza, Alam Flora tetap komited dalam memastikan persekitaran yang bersih dan sihat semasa setiap sambutan, agar Kuala Lumpur terus menyerlah sebagai bandar yang meriah dan sesuai didiami. Operasi ini mencerminkan dedikasi berterusan Alam Flora terhadap kelestarian alam sekitar dan kebersihan bandar, selari dengan misi syarikat untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau.

Inisiatif ini juga selaras dengan komitmen Malakoff terhadap operasi yang bertanggungjawab, berpandukan tonggak perniagaan Kumpulan serta aspirasi Malakoff Environmental Solutions yang memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan menyediakan penyelesaian yang didedikasikan untuk masyarakat dan kelestarian bumi. Usaha ini juga seiring dengan Matlamat SDG Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 11, yang bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan masyarakat yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta sejajar dengan tujuan menyeluruh Malakoff iaitu 'Enhancing Life, Enriching Communities'.

Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Kumpulan Malakoff, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan dalam memacu impak bermakna melalui kecemerlangan operasi, usaha kelestarian jangka panjang dan pembangunan komuniti.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Ditubuhkan pada tahun 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) merupakan salah satu syarikat pengurusan alam sekitar terkemuka di Malaysia yang komited membantu komuniti mengurus dan mengurangkan sisa dengan impak minimum terhadap alam sekitar. Sebagai anak syarikat kepada Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kelestarian negara melalui penyelesaian pengurusan sisa dan alam sekitar.

Sebagai salah satu pemegang konsesi terbesar di bawah program penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara, Alam Flora menyediakan perkhidmatan menyeluruh di kawasan konsesinya di Semenanjung Malaysia, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Pahang. Syarikat ini menguruskan ribuan tan sisa setiap hari sambil aktif mempromosikan amalan kitar semula dan kelestarian melalui pelbagai inisiatif, termasuk Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). Alam Flora merupakan pemacu utama kepada matlamat alam sekitar negara melalui kutipan dan pelupusan sisa yang cekap serta inisiatif libat urus komuniti yang mendorong pengurusan sisa secara bertanggungjawab dan amalan ekonomi kitaran.

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my